

KITA BOLEH MENANG BERSAMA

PENANG LAWAN COVID-19



1 - 15 OGOS, 2021

PERCUMA

PENANG 2030

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow


# Bantuan bekalan makanan tidak pernah terputus

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Program pemberian bakul makanan merupakan salah satu inisiatif sedia ada di negeri Pulau Pinang dan diteruskan bagi memenuhi keperluan golongan sasar yang terkesan dek pandemik COVID-19.

Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh berkata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengagihkan sejumlah 32,000 bakul makanan kepada golongan memerlukan sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0.



**PHEE Boon Poh.**

"Bantuan bekalan makanan di peringkat negeri Pulau Pinang sebenarnya tidak pernah terputus sejak Mac tahun lalu yang mana Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500,000 bagi tujuan tersebut menggunakan peruntukan negeri.

"Barangan keperluan asas seperti beras, gula, minyak masak, biskut, mi segera dan lain-lain diberikan kepada yang layak dengan harapan dapat meringankan sedikit bebanan yang ditanggung ketika pandemik COVID-19.

"Walaupun pemberian ini dikatakan hanya mampu bertahan untuk tempoh waktu singkat atau bersifat sementara sahaja, namun saya yakin bahawa ia membantu dari segi kelangsungan hidup serta kesejahteraan penerima yang mana kebanyakannya daripada penduduk di Program Perumahan Rakyat (PPR); skim perumahan kos rendah; penerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atau mereka yang dikenal pasti layak oleh wakil rakyat kawasan masing-masing," ujarnya ketika ditemu bual oleh Buletin Mutiara melalui aplikasi *Zoom Meeting* pada 6 Julai lalu.

Menurut Boon Poh, bermula tahun ini, mereka yang tersenarai sebagai penerima Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) turut menerima bantuan bakul makanan ini.

"Berbanding tahun lalu (sejumlah RM22,000), tahun ini sebanyak RM30,000 diperuntukan bagi setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN), dan setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) menerima peruntukan sama bagi bakul makanan di kawasan masing-masing.

"Bukan itu sahaja, Ahli Parlimen (MP) dan Pegawai Penyelaras KADUN juga diberikan peruntukan bagi menjayakan program bakul makanan di peringkat negeri Pulau Pinang.

"Pemberian peruntukan juga lebih saksama, lebih terangkum serta lebih efektif dan ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang cakna kebajikan rakyatnya tanpa mengira 'label'," jelasnya.


*(Sambungan di muka 2).*





**Bantuan bekalan makanan pada peringkat negeri Pulau Pinang sebenarnya tidak pernah terputus sejak Mac tahun lalu dan walaupun pemberian tersebut dikatakan hanya mampu bertahan untuk tempoh waktu singkat atau bersifat sementara sahaja, namun adalah diyakini bahawa ia membantu dari segi kelangsungan hidup serta kesejahteraan penerima.**




KETUA Menteri ketika hadir menerima sumbangan daripada One Hope Charity di sini baru-baru ini.

# 'Bank pekerjaan' bantu rakyat terkesan

Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini sedang meneliti inisiatif baharu bagi membantu rakyat yang terkesan dan kehilangan pekerjaan sejak negara dilanda pandemik COVID-19.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang prihatin dan responsif, pihaknya sentiasa memikirkan inisiatif-inisiatif baharu untuk membantu rakyat dalam tempoh sukar kini.

"Dalam masa terdekat ini, Kerajaan Negeri akan melancarkan inisiatif baharu iaitu *'job bank'* atau 'bank pekerjaan' yang mana pihak memerlukan pekerjaan serta mereka yang mempunyai peluang pekerjaan dapat berinteraksi dalam satu platform.

"(Dan) inisiatif terbaru ini (segala butiran lanjut) akan diumumkan apabila tiba masanya," ujarnya sejurus hadir menerima sumbangan daripada badan bukan kerajaan (NGO), *One Hope Charity & Welfare* (One Hope Charity) dekat Komtar di sini 9 Julai lalu.

Terdahulu, Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjong menerima sumbangan 'Beg Makanan Penyayang' daripada One Hope Charity.

"Terima kasih kepada One Hope Charity kerana tidak pernah kenal erti penat untuk terus menyumbang kepada rakyat di negeri ini sejak pandemik COVID-19 melanda.

"Dalam keadaan sekarang ini, saya percaya sumbangan ini amat bererti kepada (penerima) yang terkesan dan usaha yang ditunjukkan oleh One Hope Charity adalah amat disanjungi serta dihargai," katanya.

Difahamkan, sebanyak 3,900 set beg makanan bernilai RM780,000 akan diagihkan kepada golongan kurang berkemampuan yang berdaftar di 13 kawasan Parlimen di negeri ini yang mana setiap kawasan menerima 300 set.

Sumbangan disampaikan oleh Penasihat One Hope Charity, Datuk Seri R. Arunasalam dan Pengerusi One Hope Charity, Datuk Chua Sui Hau.

Sebelum ini, pada Januari 2021, sebanyak 4,200 set beg makanan sama bernilai RM1.26 juta diagihkan kepada golongan memerlukan di semua 40 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di negeri ini selain bantuan segera kepada golongan sasar bernilai RM400,000 sekali gus menjadikan jumlah sumbangan keseluruhan antara Januari hingga Julai 2021 sebanyak RM3.44 juta.

Ketika ditemui, Sui Hau memberitahu bahawa sejak awal tahun ini, One Hope Charity telah menyumbang lebih 15,000 paket makanan kepada golongan yang memerlukan.

"Disebabkan situasi semasa pandemik dan pihak kami perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), maka sumbangan disampaikan kepada wakil bagi setiap kawasan Parlimen dan KADUN untuk membantu golongan sasar.

"Selain sumbangan beg makanan, One Hope Charity turut menyumbangkan 5,000 set kotak makanan berjumlah RM1 juta yang dihantar menggunakan perkhidmatan kurier kepada golongan yang kurang bernasib baik dan memerlukan," jelasnya.

*(Sambungan dari muka 1).*

# Fenomena 'Bendera Putih', Kerajaan Negeri siap siaga

Dalam pada itu, ketika diminta mengulas mengenai peruntukan RM300,000 menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang diberikan kepada semua MP, Boon Poh yang juga ADUN Sungai Puyu menyambut baik usaha Kerajaan Persekutuan itu dan berharap ia dapat diperluaskan lagi pada masa hadapan.

Pun begitu, apabila bercakap mengenai fenomena 'bendera putih', beliau berkata Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersiap siaga menghadapi situasi tersebut.

"Dalam melakukan kerja amal seperti ini, kita tidak seharusnya berpolitik sebaliknya melihat fenomena ini dari segi kemanusiaan kerana ada dalam kalangan rakyat yang telah benar-benar 'cedera' akibat pelaksanaan pelbagai fasa PKP.

"(Dan) Kerajaan Negeri faham, kerana isu ini melibatkan moral dan juga emosi, sebab itu kita (Kerajaan Negeri) juga menyediakan konsultasi dan kaunseling untuk bantu mereka yang terkesan 'teruk'," katanya.

Menyentuh mengenai permohonan bakul makanan, Boon Poh memberitahu bahawa sesiapa sahaja yang memerlukan bakul makanan ataupun keperluan harian lain boleh menghubungi Pejabat ADUN masing-masing.

"Ada sesetengah yang 'segan' untuk menghubungi ADUN ataupun Exco... tidak mengapa, mereka juga boleh ke Pejabat Daerah atau hubungi JKM kerana JKM juga melaksanakan pemberian bakul makanan bernilai RM100 setiap bakul kepada isi rumah yang layak.

"Selain itu, di Pulau Pinang kita juga ada *Mutiara Food Bank* (MFB) yang mana mereka juga boleh mendapatkan bahan mentah masakan seperti sayur-sayuran, roti, buah-buahan dan sebagainya secara percuma.

"(Dan) kita (Kerajaan Negeri) kini dalam proses perbincangan untuk menubuhkan *task force* yang menggabungkan badan-badan bukan kerajaan (NGO) bagi tujuan pengagihan bakul makanan dan keperluan harian lain kepada mereka yang memerlukan atau terkesan akibat pandemik ini," katanya mengakhiri temu bual.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Syukur, bantuan lancarkan PdPR

**KERAJAAN** Negeri Pulau Pinang menjadi antara yang terawal menubuhkan 'Task Force Program e-Pembelajaran' pada Mei tahun lepas bagi membangunkan sektor pendidikan dalam normal baharu.

Langkah itu diambil susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dek penularan pandemik COVID-19 yang telah 'memaksa' para pelajar meneruskan sesi persekolahan secara dalam talian menerusi kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Difahamkan, sehingga Mei lalu sebanyak 1,742 unit komputer telah diagihkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada pelajar selain 279 telefon pintar di bawah program tersebut bagi memastikan proses PdPR berjalan lancar serta teratur.

Justeru, wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** berkesempatan mendapatkan pandangan ibu bapa pelajar yang telah menerima bantuan menerusi program tersebut dalam membantu melicinkan proses PdPR anak masing-masing.

**NORMAH ZAINAL ABIDIN** ketika dihubungi memberitahu bahawa anaknya, **NUR SUHAILA ABDULLAH**, 16, antara pelajar yang telah menerima bantuan pinjaman komputer riba daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Beliau berkata, bantuan tersebut dapat membantu pembelajaran anak-anaknya kerana sebelum ini Suhaila dan adiknya, Solihin, 14, terpaksa berkongsi telefon pintar miliknya untuk mengikuti kelas PdPR.

"Sebelum ini, anak-anak saya terpaksa bergilir-gilir menggunakan telefon saya untuk proses PdPR, jadi sukar untuk mereka menjalani pembelajaran secara serentak.

"Sebab itu, kadangkala saya terpaksa mengambil inisiatif membuat fotokopi bahan-bahan pembelajaran yang diberikan oleh guru-guru untuk memastikan anak-anak tidak ketinggalan dalam pelajaran.

"Sekarang, saya rasa sangat lega dan bersyukur kerana anak saya sudah menerima pinjaman komputer riba daripada Kerajaan Negeri dan ini akan memudahkan proses PdPR mereka," katanya.

Walau bagaimanapun, Normah berharap agar sesi persekolahan secara bersemuka dapat diadakan semula secepat mungkin memandangkan proses pembelajaran di rumah dilihat kurang efektif.

"Sebab sekarang walaupun dah ada komputer riba dan telefon pintar, tetap ada masalah kerana internet adakalanya sangat perlahan dan ini sudah tentunya akan mengganggu proses pembelajaran anak-anak," ujarnya lagi.

**MUHAMMAD ADAM HARRIS**, 14, dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Al-Irshad turut merima bantuan yang sama.

Ayahnya, **AZIZUL HADI**, seorang pesara memberitahu bahawa beliau bersyukur apabila anaknya itu layak menerima bantuan pinjaman komputer riba daripada Kerajaan Negeri yang dapat membantu memudahkan proses pembelajaran di rumah.

"Selain Muhammad Adam Harris, saya masih mempunyai dua orang lagi anak masing-masing berumur 10 dan 12 tahun.

"Oleh itu, ketiga-tiga anak saya sebelum ini terpaksa bergilir-gilir menggunakan telefon pintar milik saya memandangkan isteri saya bekerja.

"Sekarang alhamdulillah... dengan bantuan Kerajaan Negeri ini dapatlah membantu anak-anak saya terutamanya Muhammad Adam Harris untuk fokus terhadap pelajaran mereka," jelasnya yang merupakan orang kurang upaya (OKU) ketika dihubungi baru-baru ini.

Dalam pada itu, **WAN HALIMAH WAN SATAFA**, ibu kepada pelajar, **WAN MUHAMMAD HAIKAL RAZI**, 11, berkata bahawa bantuan yang diterima membolehkan anak-anaknya menyertai PdPR dengan lebih berkesan.

Kata beliau, sebelum ini tidak semua kelas PdPR boleh disertai oleh Wan Muhammad Haikal memandangkan telefon pintar miliknya tidak mempunyai aplikasi-aplikasi yang diperlukan untuk tujuan tersebut.

"Disebabkan masalah kekurangan gajet, anak-anak agak ketinggalan dalam pelajaran sebelum ini sehingga kerja rumah yang diberikan oleh cikgu terpaksa hantar lewat sedikit berbanding kawan-kawan yang lain.

"Keadaan ini juga menyebabkan anak-anak menjadi tertekan apabila mereka tidak dapat mengikuti kelas sekiranya jadual pembelajaran diadakan serentak.

"Tambahan pula, ketiga-tiga anak saya menggunakan telefon milik saya, jadi banyak perkara berkaitan mata pelajaran mereka yang saya terlepas pandang.

"Sekarang alhamdulillah… saya bersyukur kerana dengan adanya komputer (riba) ini, saya dapat muat turun beberapa aplikasi penting yang diperlukan untuk proses PdPR seperti *Google Meet, WhatsApp, Telegram, Zoom* dan sebagainya," katanya sambil menambah bahawa suaminya kini tidak bekerja kerana berstatus OKU.

Turut mengutarakan pandangan sama ialah **NORLAILA ISMAIL** yang merupakan ibu kepada **NURHAYATI ABDUL AZIZ**, 16.

Menurut Norlaila, anaknya mempunyai masalah fokus terutamanya apabila menggunakan telefon bimbit.

Perkara itu menurutnya, menyebabkan beliau terpaksa memohon untuk mendapatkan pinjaman komputer riba daripada Kerajaan Negeri kerana tidak mampu membeli sendiri.

"Sekarang, dia jadi lebih bersemangat untuk mengikuti PdPR kerana semua aplikasi yang diperlukan sudah boleh digunakan," ulasnya.

Nada sama turut dikongsi ibu kepada seorang lagi pelajar yang menerima bantuan tersebut, **LAW SWEE CHOO**.

Menurut beliau, anak bongsunya terpaksa berkongsi telefon bimbit menyebabkan ia sukar untuk menumpukan perhatian dalam pelajaran.

"Telefon bimbit skrin agak kecil, jadi apabila digunakan dalam jangka masa panjang akan menyebabkan mata mereka menjadi sakit sekali gus akan hilang fokus.

"Oleh itu, saya memohon mendapatkan bantuan komputer riba yang dapat membantu anak melicinkan proses pembelajaran mereka di rumah," katanya yang merupakan seorang ibu tunggal.

**M. YOGANJALI**, 14, dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent (M) Bukit Mertajam mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas bantuan yang diberikan.

Yoganjali memberitahu, inisiatif tersebut sememangnya dapat membantu beliau dan dua lagi adiknya untuk mengikuti PdPR memandangkan ibu bapa mereka tidak mampu menyediakan lebih banyak peranti pintar.

"Sebelum ini, kami terpaksa menunggu ibu bapa pulang dari kerja untuk menyiapkan kerja sekolah dan menyertai *Google Meet*, tetapi sekarang kami sudah ada komputer sendiri.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana sentiasa membantu keluarga susah dengan pelbagai inisiatif ini," ujarnya.



NUR Suhaila Abdullah (kanan) menerima komputer riba yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.



MUHAMMAD Adam Harris Azizul Hadi.



WAN Muhammad Haikal Razi.



NURHAYATI Abdul Aziz.



LAW Swee Choo.



M. Yoganjali.

# Terlibat sama rancangan pembangunan masa depan Seberang Perai

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA –** Program publisiti dan penyertaan awam bagi Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030 (DRTSP2030) berjaya mengumpulkan sebanyak 2,559 maklum balas daripada penduduk tempatan.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa jumlah tersebut adalah hasil daripada publisiti serta penyertaan awam yang dijalankan selama tiga bulan bermula 12 April hingga 9 Julai 2021.

"Tujuan publisiti dan penyertaan awam adalah bagi menggalakkan masyarakat untuk sama-sama terlibat dalam rancangan pembangunan masa depan kawasan mereka.

"Penduduk Seberang Perai perlu tahu bahawa pandangan mereka adalah sangat penting untuk menyusun rancangan pembangunan yang lebih komprehensif di Seberang Perai hingga tahun 2030.

"Justeru, orang ramai diberi kesempatan untuk memberikan cadangan dan mengemukakan bantahan mereka secara dalam talian bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang masih berkuat kuasa kini.

"Walau bagaimanapun, saya gembira kerana MBSP telah menerima maklum balas positif serta menggalakkan daripada pelbagai pihak di Seberang Perai untuk rancangan tempatan ini, dan ia merupakan jumlah tertinggi sepanjang kajian DRTSP2030 dilaksanakan.

> **"Penduduk Seberang Perai perlu tahu bahawa pandangan mereka adalah sangat penting untuk menyusun rancangan pembangunan yang lebih komprehensif di Seberang Perai hingga tahun 2030."**

"Oleh itu, saya ingin mengucapkan terima kasih atas semua maklum balas yang berharga ini," katanya dalam majlis penutup publisiti dan penyertaan awam DRTSP2030 dekat Menara Bandaraya MBSP dekat sini 9 Julai lalu.



**JAGDEEP Singh Deo (berkemeja putih) dan Sr. Rozali Mohamud (dua dari kanan) pada majlis penutup publisiti dan penyertaan awam DRTSP2030 di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh; Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dato' Dr. Amar Pritpal Abdullah; barisan ADUN dan Ahli Majlis bagi MBSP; Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mahmod serta ketua-ketua jabatan MBSP.

DRTSP2030 merupakan draf rancangan tempatan yang mengandungi strategi perancangan pembangunan di Seberang Perai hingga tahun 2030 yang merangkumi tiga teras utama iaitu kompetitif, inklusif serta hijau dengan disokong oleh 18 strategi dan 52 cadangan.

Dalam pada itu, Jagdeep menyatakan bahawa draf rancangan tempatan adalah amat penting selaras dengan prinsip Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang sentiasa memastikan penglibatan rakyat dalam semua program dan projek pembangunan yang hendak dijalankan.

"Diharapkan setiap maklum balas yang diterima dapat ditangani dengan baik," tegasnya.

Dalam majlis itu juga, Jagdeep turut menyampaikan bantuan bakul makanan kepada wira barisan hadapan MBSP yang bertungkus-lumus memastikan pematuhan SOP dalam kalangan masyarat awam.

# Program Komputer e-Pembelajaran demi manfaat pelajar

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BATU MAUNG –** Sumbangan set peranti berbentuk komputer riba di bawah inisiatif Program Komputer e-Pembelajaran Pulau Pinang dilihat sebagai alternatif bagi melancarkan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain, usaha sama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pihak swasta bagi menjayakan inisiatif tersebut wajar dipuji dan diteruskan demi memanfaatkan golongan memerlukan terutama pelajar daripada keluarga susah.

Terbaru pada 25 Jun 2021, Abdul Halim yang juga Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan menerima sebanyak 92 set peranti komputer riba untuk diserahkan kepada lapan sekolah di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung.

"Inisiatif ini bukan sahaja melancarkan PdPR tetapi juga membantu para pelajar daripada keluarga susah untuk mengikuti kelas ketika pandemik kini.

"Lagipun, melalui inisiatif ini, keciciran pelajar semasa PdPR dapat dikurangkan," ujarnya pada majlis penyerahan set peranti berkaitan di sini baru-baru ini.

Wakil daripada Sekolah Kebangsaan (SK) Mutiara Perdana, Ahmad Shahir Abd. Wahab ketika ditemui menzahirkan penghargaan atas sumbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu.

Begitu juga wakil daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Ara, Nor Hanita Mohd. Hanapiah yang turut berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan syarikat berkaitan kerana menjayakan PdPR dengan menyerahkan kemudahan peranti mudah alih untuk kegunaan para pelajar semasa pandemik.




**ABDUL Halim Hussain (kiri) menyerahkan komputer riba kepada Nor Hanita Mohd. Hanapiah pada majlis penyerahan set peranti berbentuk komputer riba di bawah inisiatif Program Komputer e-Pembelajaran Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Terdahulu, pada 17 Jun 2021, majlis penyerahan sama turut dilakukan melibatkan wakil daripada SK Permatang Damar Laut dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chung San.

Hadir sama pada majlis tersebut, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin dan Naib Pengerusi Jawatankuasa Program e-Pembelajaran Pulau Pinang, Dr. Ngoo Seong Boon.

Selain syarikat *Intel Corporation,* turut merealisasikan inisiatif tersebut adalah syarikat semikonduktor *Western Digital.*

Program Komputer e-Pembelajaran Pulau Pinang merupakan hasil usaha sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama *Malaysia Semiconductor Industry Association* (MSIA) yang mana program berkaitan membabitkan penglibatan 28 syarikat semikonduktor di Pulau Pinang dengan jumlah sumbangan sebanyak RM2.02 juta bagi pembelian set peranti berbentuk komputer riba.






NORMAL baru diangkat sebagai tema *Tanjong Life* yang pasti mencuit hati dengan jenaka ringan idea yang diilhamkan daripada kehidupan seharian.

# 'Tanjong Life New Norm' karya terbaru 'Me'

**AZMI HUSSIN...** Nama kartunis yang tidak asing lagi dalam kalangan penggiat seni karikatur di Pulau Pinang, bahkan di Malaysia.

Turut disapa dengan panggilan Me, anak jati Pulau Pinang kelahiran Seberang Jaya itu memulakan kerjaya sebagai pelukis potret jalanan sekitar kawasan Padang Kota Lama pada 2013.

Walaupun belum sampai sedekad, karya hasil keringat anak muda yang berusia 37 tahun tersebut mula mendapat perhatian dan sambutan. Malah, beliau kini mempunyai studio miliknya, Me Sketch Studio berdekatan Farlim, Paya Terubong.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar **DARWINA MOHD. DAUD** sempat menemu bual pemilik nama sebenar **MOHD. AZMI MOHD. HUSSAIN** berkenaan.

## Latar belakang penglibatan seni

Bukan sahaja digelar sebagai kartunis, Mohd. Azmi juga merupakan pelukis karikatur, mural dan ilustrasi. Malah, beliau juga turut berjinak-jinak dengan seni lukisan menggunakan kopi.

Menceritakan permulaan perjalanan sebagai pelukis potret jalanan, Mohd. Azmi memberitahu bahawa sejak beliau berpeluang untuk menyertai *Penang Interactive Museum* pada tahun 2014, kerjaya seninya mula berkembang.

"Sejak kecil lagi saya memang minat lukis kartun, bermula daripada situ juga saya mula hantar karya-karya saya ke majalah-majalah terkenal seperti Gila-Gila, Ujang dan sebagainya.

"Pernah juga satu ketika saya meninggalkan bidang seni lukis ini untuk sementara waktu dan fokus kepada hobi berbasikal jenis BMX, namun kembali semula kerana telah sebati dengan jiwa," ujarnya memulakan bicara.

Menurut Mohd. Azmi, sejak kecil beliau amat gemar melukis kartun seperti *'Thunder Cat'* dan *'Popeye'*.

"Dulu saya langsung tidak mempunyai fokus apabila melakukan sesuatu… tapi sekarang saya telah tetapkan yang kerjaya sebagai kartunis ini sebagai tumpuan utama.

"Lain-lain *job* yang masuk tu hanya sebagai sampingan bagi membolehkan saya mendapatkan sedikit pendapatan… kerana saya sedar kunci kejayaan kartunis sohor sebelum ini adalah fokus," katanya.

Demi mengasah bakat sedia ada, Mohd. Azmi pernah memasuki salah sebuah kolej seni swasta di negeri ini.

"Saya masuk pada tahun 2010, cuma setahun tetapi belajar tidak habis," selorohnya yang mengakui kini sedang mempersiapkan diri menceburi penghasilan karya digital.

Difahamkan, semua hasil karya miliknya kini terhasil daripada lukisan tangan tanpa menggunakan apa-apa aplikasi moden mahupun digital. Menyedari keperluan semasa, beliau kini sedang membuat persiapan untuk belajar menggunakan teknik digital bagi penghasilan karya.

## Lat sebagai idola

Mohd. Azmi menjadikan Datuk Mohammad Nor Mohammad Khalid atau lebih dikenali dengan panggilan Lat sebagai idola.

"Memang beliau (Lat) menjadi idola saya.

"Walaupun ada yang kata karya saya mirip Datuk Lat tapi sebenarnya ada perbezaannya.

"Karya kartunis ulung itu lebih *simple* latar belakangnya, tetapi karya saya, saya hasilkan dengan sarat untuk menampakkan suasana penceritaan," ulasnya yang lebih menerapkan warisan masyarakat di Pulau Pinang dalam karyanya.

## Pengiktirafan MBOR

Sebagai pemegang *Malaysia Book of Records* sebanyak dua kali, Mohd. Azmi tidak mudah mendongak ke langit malah menganggap pengiktirafan itu sebagai penghargaan atas keringatnya selama ini.

"Pengiktirafan yang saya dapat adalah melalui lukisan menggunakan kopi terpanjang (tahun 2019) dan karikatur terbanyak dilukis dalam masa 24 jam (tahun 2017).

"Selain itu, ada juga terima Anugerah Kartunis Pulau Pinang dan Anugerah Kembara Pekomik (2018)," ujarnya.

Mohd. Azmi turut berbangga apabila salah satu karyanya terpilih dan diterima untuk dipamerkan di Croatia pada Ogos ini.

## Cabaran Pandemik COVID-19

Mohd. Azmi tidak terkecuali tatkala pandemik COVID-19 'membadai' dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac 2020, aktiviti seninya sedikit sebanyak terjejas.

"Sekarang kerja luar tak boleh buat, walaupun bidang seni ia dikira sama seperti kerja-kerja renovasi juga, jadi saya tidak boleh buat kerja-kerja melukis di luar.

"Banyak kerja saya dibatalkan bukan sahaja sebab itu, bahkan kerana pihak yang mengupah saya melukis juga terjejas daripada segi pendapatan, jadi mereka terpaksa batalkan.

"Kerja-kerja yang saya maksudkan adalah lukisan dinding ataupun mural, tetapi komisen kerja lain itu adalah sikit-sikit," ujarnya yang turut mendapat upah melukis dari luar Pulau Pinang.

## Perancangan dan harapan

Membuka studio seni di tingkat enam dekat Kompleks Pasar Awam dan Pusat Makanan Farlim, Mohd. Azmi merancang untuk mengadakan kelas lukisan di situ.

"Saya sewa dari Disember tahun lepas, tiba-tiba *lock down* balik, jadi terbantut sikit, bukan tidak mahu buat secara dalam talian, tapi kerja-kerja karikatur kurang efektif kalau macam itu (dalam talian).

"Sebelum ini memang pernah juga buat kelas dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP) dan sambutan amat baik," jelasnya.

Sekiranya anda pernah membaca buku *Tanjong Life*, itu merupakan naskhah agung Mohd. Azmi yang sudah memasuki edisi keempat.

"Naskhah terbaharu *(Tanjong Life New Norm)* menceritakan mengenai zaman pandemik yang kita lalui sekarang, perkara ini akan jadi satu kenangan yang sukar untuk kita lupakan dan boleh ceritakan kepada anak cucu kita nanti apabila sudah 20 atau 30 tahun akan datang mengenai suka duka pandemik yang kita lalui hari ini.

"Saya mula dengan *Tanjong Life*, *The Little Mamak*, *Little Mamak Lost in Bagan* sebelum naskhah terbaharu yang akan dilancarkan dalam masa terdekat sewaktu Festival George Town," katanya.

Dalam pada itu, beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada orang ramai yang kerap menjadi ilham untuknya berkarya melalui kisah-kisah spontan di jalanan.




MOHD. Azmi Mohd. Hussain atau lebih dikenali dengan jolokan Me memperagakan koleksi Tanjong Life yang dinukilkan khas dekat di hati masyarakat setempat Pulau Pinang.

# PPV 'bergerak' ke Pulau

**BUKIT TAMBUN** - Inisiatif Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Selatan (PKD SPS) menganjurkan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) secara bergerak di Dewan Serbaguna JKKK Pulau Aman memperoleh pujian sekalian penduduk setempat.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Pulau Aman, **SAIBI ABD. MAJID**, 58, berkata bahawa inisiatif tersebut sekali gus memberi kemudahan kepada 156 penduduk yang memohon untuk mendapatkan dos pertama di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

"Dengan kerjasama YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, **GOH CHOON AIK**, penyediaan logistik seperti Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta kelengkapan penghadang untuk proses vaksin, kita siapkan tempat ini.

"Terima kasih kepada Klinik Desa Pulau Aman, juga kepada Pegawai Kesihatan Daerah (SPS), Dr. Chow Sze Loon kerana menyambut baik cadangan kami untuk mengadakan PPV 'bergerak' di sini," jelasnya kepada wartawan, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** di sini pada 8 Julai 2021.

Sebelum itu, Choon Aik yang juga 'ADUN Angkat' bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Acheh memberitahu Buletin Mutiara bahawa pihaknya berharap PPV 'bergerak' dapat diperluaskan ke kawasan-kawasan yang mempunyai masalah logistik sekitar Bukit Tambun dan Sungai Acheh.

"Bagi saya, PPV secara berpusat lebih sesuai dilaksanakan di kawasan bandar yang mempunyai jaringan logistik, perhubungan dan pengangkutan yang begitu bagus.



**SAIBI Abd. Majid.**

"Sementara, di kawasan pedalaman yang mempunyai masalah logistik, PPV 'bergerak' seperti yang PKD SPS adalah lebih efisien terutama yang melibatkan dua penerima vaksin dalam kalangan OKU (orang kurang upaya) terlantar.

"Sehubungan itu, saya harap PKD SPS dapat pergi ke kawasan terpencil seperti di Sungai Acheh," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada 15 petugas barisan utama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang terlibat dalam PPV 'bergerak' di sini.





**GOH Choon Aik.**

Mengulas lanjut, seorang penduduk, **ISHAK MAN**, 53, turut memuji kolaborasi pelbagai pihak termasuk MPKK Bukit Aman dan Klinik Desa setempat dalam menganjurkan PPV 'bergerak'.

"Kalau nak ambil vaksin di PPV Jawi, kurang-kurang ambil masa tiga jam perjalanan sehala untuk ke sana.

"Macam saya daftar menerusi MySejahtera kerana ingat akan dapat temu janji menerusi majikan tempat saya bekerja.

"Apabila saya dapat tahu bahawa ada PPV 'bergerak' ini, saya rasa begitu mudah untuk penduduk setempat mendapatkan dos pertama serta dos kedua tanpa perlu menyeberang laut.



**ISHAK Man.**



**SUNTIKAN turut diberikan kepada golongan kurang upaya terlantar.**

"Gementar, memang gementar tapi gementar sebab seronok tak sabar nak dapat dos pertama," ujarnya yang juga Pengerusi Kariah Masjid Pulau Aman.

Nada pujian yang sama turut dikongsikan oleh seorang lagi penduduk, **NOR AINI ZULKIFLI** yang merupakan suri rumah sepenuh masa sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada 18 Mac tahun lalu.

"Sebelum PKP, saya berniaga cenderahati memandangkan Pulau Aman ini merupakan antara kawasan pelancongan desa di negeri ini.

*(Sambungan di muka 7).*

# Aman dipuji



PASUKAN perubatan ketika menjalankan PPV secara bergerak di Pulau Aman, Bukit Tambun.




NOR Aini Zulkifli.

(Sambungan dari muka 6).

"Tetapi, penduduk tempatan memang sangat jaga segala prosedur operasi standard (SOP) dan sebab itulah sehingga kini tiada kes positif COVID-19 direkodkan di kawasan pelancongan Pulau Aman.

"Di samping itu, saya puji Pejabat Kesihatan Daerah kerana memudahkan segala urusan pemberian vaksin kepada penduduk setempat terutama golongan OKU dan warga emas," ujarnya.

Difahamkan, populasi penduduk Pulau Aman adalah terdiri oleh 235 orang, termasuk kanak-kanak yang menghuni 46 unit rumah.

## Keluarga Bahagia, Masa Depan Cerah pupuk semangat kekal tabah

**GEORGE TOWN** – Sambutan Hari Keluarga Pulau Pinang bagi tahun 2021 dijalankan dalam suasana normal baharu berikutan penularan pandemik COVID-19.

Program tersebut dianjurkan bersama antara Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng berkata bahawa kempen bertemakan "Keluarga Bahagia, Masa Depan Cerah" itu bakal diisi dengan pelbagai aktiviti secara atas talian bermula pada 31 Julai lalu.

"Kempen ini yang dianjurkan selama sebulan adalah bertujuan memupuk semangat kekal tabah daripada aspek mental dan fizikal keluarga di negeri ini selaras dengan Visi Penang2030.

"Setiap minggu satu program akan dijalankan termasuk *virtual walk*, permainan *snakes and ladders* edisi keluarga, lukisan pokok keluarga serta forum yang diadakan secara atas talian," katanya dalam satu kenyataan di sini pada 13 Julai lalu.

Tambah Chong Eng, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan sekali lagi bermula Januari lalu menyebabkan banyak keluarga mengalami tekanan hidup.

"Dalam keadaan seperti ini, ahli-ahli keluarga harus meluangkan masa berkualiti bersama-sama dan saling memberikan sokongan di antara satu sama lain untuk mengurangkan kelelahan masing-masing.

"Justeru, pelbagai aktiviti yang dijalankan nanti dapat membantu ahli keluarga untuk sentiasa cergas, mengekalkan kesihatan badan serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim," jelasnya.

Bagi yang berminat untuk menyertai aktiviti Hari Keluarga Pulau Pinang 2021, sila layari laman web *Facebook PWDC* untuk mendapatkan maklumat lanjut, atau e-melkan kepada *fca@pwdc.org.my*.




POSTER publisiti sambutan Hari Keluarga Pulau Pinang 2021.

**Projek tambakan laut selatan Pulau Pinang (PSR) yang dipelopori Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah sebuah pelan transformasi pembangunan strategik jangka masa panjang yang akan menjana pertumbuhan ekonomi negeri. Pelaksanaan projek ini sudah mula mewujudkan peluang pekerjaan dan akan membawa lebih banyak manfaat kepada komuniti nelayan pada masa depan.**



### Nur Adam Ifwat Anuar 23
Pegawai Maklumat di PPSN

"Sejak bekerja di Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN), saya kini mendapat gaji bulanan yang stabil dan mempunyai caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk simpanan masa hadapan."



### Muhammad Dannie Rosli 26
Pegawai Maklumat di PPSN

"Saya berasal daripada keluarga nelayan. Dulu, saya juga bekerja sebagai nelayan. Sejak bekerja dalam projek PSR ini, saya dapat menyara hidup keluarga saya dengan lebih baik. Saya mampu membeli kereta mainan untuk tiga anak saya. Saya bersyukur mendapat pekerjaan yang diwujudkan melalui projek ini."



### Samsuar Hassim 43
Pegawai Maklumat di PPSN

"Sejak berusia 15 tahun lagi saya menjadi nelayan dan tidak mampu menyimpan duit pun selepas membeli barangan keperluan. Apa yang ada hanya cukup untuk hidup. Tetapi keadaan saya sekarang lebih baik dengan adanya pekerjaan tetap yang lebih selamat."



### Mohd. Noor Ismail 38
Pegawai Maklumat di PPSN

"Saya berhenti menjadi nelayan selepas hampir lemas lebih kurang 15 tahun yang lalu. Saya pernah bekerja di kilang menjadi pemandu lori dan kemudiannya kehilangan pekerjaan serta menganggur selama enam bulan. Pengalaman menganggur itu memang pahit bagi saya. Sehinggalah pemohonan untuk bekerja dalam projek PSR berjaya dua tahun yang lalu. Alhamdulillah."

# PROJEK PSR:
## beri dimensi baharu kepada bekas nelayan, penduduk



### Siti Nur Amanina Hasmadi 26
kerani dan penduduk Teluk Kumbar.

"Saya pernah membantah projek PSR tapi kini saya sedar projek ini akan membawa banyak kebaikan kepada anak tempatan, terutamanya dari segi pekerjaan. Ramai telah kehilangan pekerjaan dan mata pencarian akibat wabak COVID-19. Saya berasa kita memerlukan projek ini supaya rakyat Pulau Pinang lebih mudah mendapat pekerjaan di negeri sendiri."



### Fajinah Jaafar 60
nelayan Permatang Tepi Laut

"Sudah lebih 30 tahun saya menjadi nelayan. Pada saya, pekerjaan nelayan ini bukannya tidak bagus tetapi ia membolehkan kita hidup saja tanpa boleh pergi lebih jauh. Demi kebaikan anak-anak dan generasi akan datang, kita memerlukan pembangunan."



### Rashid Ahmad 68
nelayan Sungai Batu

"Dulu pun ada nelayan membantah pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang dengan dakwaan hidupan laut akan hilang. Tetapi pada hari ini, jambatan itu sudah menjadi tukun. Ada banyak ikan dan udang di situ."



### Ismail Ahmad 67
Pengawal Keselamatan di PPSN

"Saya mula menjadi nelayan lebih 20 tahun lalu. Sebelum itu, saya berkhidmat dalam tentera selama 15 tahun. Kehidupan nelayan lebih mencabar kerana pendapatan tidak stabil. Lima tahun yang lalu, saya mendapat kerja sebagai pengawal keselamatan di PPSN. Syukur kini saya ada pekerjaan yang stabil dan lebih selamat walaupun sudah lanjut usia."



### Idris Ismail 66
nelayan Teluk Kumbar

"Projek PSR yang bermula dengan satu pulau tidak akan menghalang perjalanan bot nelayan ke laut. Jika tambak di depan sini (Teluk Kumbar),kami masih boleh ke kiri atau kanan untuk keluar ke laut, kami masih boleh bekerja. Mereka bukan hendak tambak sehingga ke Perak. Kawasan nelayan menangkap ikan juga di luar kawasan yang akan ditambak."



### Ang Hock Hin 70
nelayan Teluk Kumbar

"Bekalan makanan laut tidak akan terjejas kerana projek PSR. Hidupan laut tidak akan pupus akibat penambakan di satu bahagian kecil laut. Ikan akan membiak di tempat lain."

# Insentif galakan dua atlet negeri ke Olimpik Tokyo

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Dua atlet negeri yang mewakili negara ke kejohanan Sukan Olimpik Tokyo 2020 pada 23 Julai hingga 8 Ogos 2021 masing-masing menerima RM10,000 insentif galakan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Menerusi sesi telesidang, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sendiri menyampaikan cek replika insentif tersebut kepada Chan Peng Soon (atlet sukan badminton) dan Jeremiah Loo Phay Xing (atlet sukan artistik gimnastik) di sini.

Turut serta, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Harry Chai Heng Hua.

Semasa berucap, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Ekonomi dan Komunikasi berkata bahawa pentadbirannya berharap insentif yang diberikan bakal mendorong kedua-dua atlet berkenaan meraih kejayaan dalam kejohanan berprestij berkenaan.

"Ini, suatu Olimpik luar biasa yang mana (30 atlet yang mewakili negara Malaysia) akan beraksi tanpa penonton.

"Saya harap keadaan yang luar biasa ini tidak akan mempengaruhi prestasi para atlet (negara) kita, kita harap mereka akan fokus walaupun tiada penonton (di arena).

"Ingatlah bahawa rakyat Malaysia dan negeri Pulau Pinang akan terus memberi sokongan kepada anda untuk mencapai prestasi terbaik," serunya pada telesidang yang diadakan pada 12 Julai 2021.

Di samping itu, Kon Yeow berharap dengan penyertaan kedua-dua atlet negeri berkenaan, ia bakal memperlihatkan satu lagi usaha memperkasakan peranan serta bakat modal insan dalam menjayakan Visi Penang2030.

Peng Soon yang berucap selepas itu merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri hari ini dalam memberi sokongan serta galakan kepada para atlet dari Pulau Pinang.

"Saya ingat sudah tiga kali saya di Olimpik, terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana terus memberi insentif sehingga kini.

"Pemberian insentif seumpama ini, bagi semua atlet negeri, merupakan suatu pembakar semangat," jelasnya.

Nada sama turut dizahirkan oleh Phay Xing.

"Terima kasih kerana mengadakan sesi telesidang ini, terima kasih kepada YB Soon Lip Chee (Lip Chee) dan YAB Chow Kon Yeow (Kon Yeow) serta Kerajaan Negeri yang begitu memberi sokongan kepada barisan atlet.

"Saya berasa begitu berterima kasih dan bangga dengan pemberian insentif galakan ini," ujarnya.




KETUA Menteri bersama-sama Soon Lip Chee (kanan sekali) dan Harry Chai Heng Hua (kiri sekali) pada Majlis Penyampaian Insentif Galakan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada dua atlet negeri yang berjaya ke kejohanan Sukan Olimpik Tokyo 2020 baru-baru ini.




JEREMIAH Loo Phay Xing menunjukkan insentif yang diperoleh.

TOKYO 2020




CHAN Peng Soon yang turut menerima insentif serupa.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA** YAB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL** YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI** YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU** YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my; pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI** YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG** YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028 |
